

Headline	SSTMI tetap gagah tanpa trio kebangsaan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	23 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	254 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,851		



## SSTMI tetap gagah tanpa trio kebangsaan

**KETIADAAN** trio muda skuad hoki negara dilihat langsung tidak menjejaskan rentak Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) Thunderbolts pada aksi pembukaan Liga Hoki Remaja Kebangsaan (MJHL) 2019 kelmarin.

Sebaliknya, juara berganda musim lalu itu masih mampu berpesta gol meratah Sekolah Sukan Bukit Jalil (BJSS) Thunderbolts 6-2 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur meskipun tanpa Mohamad Akhimullah Anuar Esook, Muhammad Arif Syafie Ishak dan Muhammad Noor Firdaus Rosdi.

Ketua jurulatih *Malaysian Tigers*, Roelant Oltmans tidak membenarkan ketiga-tiga pemain itu mengambil bahagian pada MJHL 2019 kerana mahu mereka memberikan fokus sepenuhnya kepada latihan bersama skuad kebangsaan untuk Jelajah Eropah bulan depan.

Bagaimanapun, ketiga-tiga pemain itu yang pernah meraih pingat emas pada Sukan Olimpik Remaja 2018 akan mendapat pelepasan bermain

sekiranya mereka gagal tersenarai dalam skuad utama ke Jelajah Eropah.

Apa pun, SSTMI Thunderbolts tetap berada dalam kelas tersendiri apabila meledak empat gol pada babak pertama melalui dua jaringan Mohamad Shamir Rizmi Mohd. Shamsul pada minit kesembilan dan 17 serta satu daripada Muhamad Faris Harizan (m-21) dan Muhajir Abdu Rauf (m-25).

Dua lagi gol skuad kendalian Wan Mohd. Roslan Wan Abdul Rahman itu dijanginkan kapten pasukan, Muhammad Amirul Hamizan Azahar dan Muhamad Hafizz Fikri Zali masing-masing pada minit ke-58 serta 59.

BJSS Thunderbolts pula terpaksa akur tewas apabila sekadar menjaringkan dua gol menerusi Muhammad Amirul Hanif Mamat pada minit ketiga dan 57.

SSTMI Thunderbolts akan terbang ke Kuala Terengganu untuk aksi kedua liga hari ini menentang MSNT-PHT-MSST yang tewas 0-3 kepada naib juara tahun lalu, Anderson Thunderbolts kelmarin.



PARA pemain SSTMI Thunderbolts meraikan jaringan pembukaan ketika menewaskan BJSS Thunderbolts 6-2 pada aksi MJHL 2019 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin.